


# M U L A





A011111521

KREDIT DI KALANGAN ORANG MELAYU LUAR BANDAR

KAJIAN KEBIASAAN SAMPUNG TEBUK PULAI,

SABAK BERAM, SELANGOR.

MOHD ZAKI BIN SUNGIB.

NO. MATRIK: 057593

LATIHAN ILMIAH

BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN

DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK

IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA

201111

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI,

UNIVERSITI MALAYA,

KUALA LUMPUR.

SESSI 1991/ 92.

DEDICATED TO:

AYAH DAN EMAK,

YANG BANYAK BERKORBAN,

ADIK-ADIK, ANA YANG BANYAK

MEMBERI DORONGAN,

DAN UNTUK SEMUA

ORANG-ORANG KAMPUNG.

PENGHARGAAN.

Bismillahhirrahmanirrahim,

Alhamdulillah, syukur saya ke hadrat Allah kerana dengan izin dan hidayatNya, saya telah menyiapkan latihan ilmiah ini. Dalam ruangan ini saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan ucapan terima kasih kepada mereka yang telah membantu saya, secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan latihan ilmiah ini.

Pertama sekali jutaan ucapan terima kasih kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Rokiah Talib, yang telah banyak memberikan bantuan dan tunjuk ajar selain kata nasihat dan kesabaran beliau dalam menghadapi kerenah saya. Tanpa bantuan beliau, tidak mungkin saya dapat menyiapkan latihan ilmiah ini. Semoga Allah memberkati beliau.

Terima kasih juga diucapkan kepada ketua dan seluruh penduduk kampung Tebuk Pulai, Sabak Bernam, Selangor, yang banyak memberikan kerjasama dengan membuat maklumat dan fakta untuk kajian ini.

Terima kasih juga kepada pegawai dan kakitangan Pejabat Daerah Sungai Besar, Pertubuhan Peladang Kawasan Sungai Besar, Bank Pertanian Sungai Besar dan khusus kepada En. Muttaram, Pegawai Pinjaman Bank Rakyat cawangan Sungai Besar.

Terima kasih juga kepada pengarah dan pegawai-pegawai penguatkuasa, Bahagian penguatkuasaan, Kementerian Perdagangan dalam negeri dan Hal ehwal pengguna, cawangan Teluk Intan, Perak.

Terima kasih juga kepada Koperasi Kamaruzzaman dari Balai Polis Sungai Besar, kerana mengeluarkan surat kebenaran kepada saya untuk membuat kajian.

Akhir sekali, ucapan terima kasih untuk semua rakan-rakan yang banyak memberi pandangan dan nasihat sepanjang penulisan latihan ilmiah ini.

Semoga Allah memberkati dan membalas budi baik anda semua. Sekian Wassalam.

Mohd Zaki bin Sungib.

Jabatan Antropologi Dan Sosiologi,  
Universiti Malaya.  
1991/92.

## SINOPSIS.

Kajian ini dilakukan untuk melihat fenomena kredit di kalangan orang Melayu luar bandar. Ia terutama khusus untuk melihat bentuk-bentuk kegunaan kredit. Kajian ini juga untuk mengenalpasti jenis-jenis kredit yang wujud dan digunakan, sumber-sumber kredit diperolehi dan masalah-masalah yang dihadapi oleh orang Melayu luar bandar, dalam menggunakan kredit. Ditinjau juga tentang perubahan yang berlaku terhadap institusi kredit dan orang Melayu luar bandar itu sendiri.

Kesemua aspek tersebut dibincangkan dalam enam bab yang terkandung dalam latihan ilmiah ini, iaitu:

Bab 1: Bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian seperti kepentingan kajian, objektifnya, kaedah yang digunakan masalah kajian dan lain-lain lagi.

Bab 2: Bab ini membincangkan tentang teori-teori yang digunakan untuk melihat fenomena kredit di kalangan orang Melayu luar bandar secara umum. Ia meliputi teori ekonomi dan teori perlakuan.

Bab 3: Bab ini menghuraikan analisa kajian kes tentang perlakuan kredit di kawasan kajian. Ia menyentuh tentang latar belakang responden seperti umur, pendidikan dan pendapatan. Bab ini juga menghuraikan tentang bentuk-bentuk perbelanjaan dan keperluan di kawasan kajian dan kemudiannya menghubungkaitkan bentuk-bentuk tersebut dengan unsur sikap dan budaya responden dan kelompok kajian. Melanjutkan lagi huraian, pengkaji memberikan analisa khusus terhadap faktor-faktor yang

mendorong perlakuan kredit, ia dibahagikan kepada dua iaitu faktor dalaman dan luaran.

Bab 4: Bab ini menghuraikan analisa seterusnya iaitu mengenai jenis-jenis kredit dan kegunaannya. Ia menerangkan kredit terbahagi kepada dua jenis iaitu kredit informal dan kredit formal. Selanjutnya bab ini menjelaskan tentang sumber-sumber kredit yang wujud di kawasan kajian yang juga boleh dibahagikan kepada sumber kredit informal dan formal.

Bab 5: Bab ini mengaitkan tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh pengguna dalam menggunakan kredit. Masalah disorot dari aspek-aspek khusus seperti dari aspek kos kredit dan undang-undang. Seterusnya bab ini menghuraikan tentang faktor dan punca kepada berlakunya masalah tersebut.

Bab 6: Bab ini merupakan kesimpulan kepada kajian ini, yang memuatkan kesimpulan pengkaji terhadap semua penemuan dan disertakan dengan pandangan dari kacamata pengkaji.

Adalah diharapkan kajian ini dapat menyumbangkan kepada perkembangan disiplin ilmu, menambah pengetahuan kepada pembaca dan membantu memberi maklumat kepada yang memerlukannya.

## SENARAI ISI KANDUNGAN.

Mukasurat

Dedikasi

Penghargaan

Sinopsis

Senarai isi kandungan

Peta mukim / kampung kajian

### Bab 1 : PENGENALAN

1.1 Objektif kajian	2
1.2 Skop kajian	3
1.3 Metodologi kajian.	
1.3.i Pemilihan sampel	5
1.3.ii Kaedah pengutipan data	6
1.4 Masalah kajian.	8
1.5 Latar belakang kawasan kajian	11

### Bab 2 : KONSEP DAN TEORI.

2.1 Definisi dan konsep kredit	14
2.2 Kredit dan orang Melayu luar bandar	16
2.3 Teori-teori.	18
2.3.i Model perlakuan pengguna	19
2.3.ii Hukum Engel	24
2.3.iii Behavioural theory of consumption	26
2.3.iv Teori permintaan dan penawaran	27

### Bab 3 : ANALISA KAJIAN KES.

3.0 Latar belakang responden	31
3.1 Umur	31
3.2 Pendidikan	32
3.3 Pendapatan	32
3.4 Keperluan dan perbelanjaan	35
3.5 Sikap dan budaya	40
3.6 Faktor-faktor kredit	
3.6.i Faktor dalaman	44
3.6.ii Faktor luaran	46

### Bab 4 : JENIS-JENIS KREDIT DAN KEGUNAANNYA.

4.1 Kredit informal	51
4.2 Kredit formal	59
4.3 Sumber-sumber kredit	62
4.3.i Sumber kredit informal	63
4.3.ii Sumber kredit formal	65

### Bab 5 : MASALAH-MASALAH DALAM KREDIT.

5.1 Masalah yang dihadapi oleh pengguna kredit di kawasan kajian.	67
5.1.i Masalah kos kredit.	69
5.1.ii Masalah dalam undang-undang.	
5.2 Faktor dan punca masalah	76
5.2.i Kurang mempunyai kesedaran dan pengetahuan dan taraf pendidikan yang rendah.	

5.2.ii Taraf pendapatan dan hidup yang rendah	78
5.2.iii Sikap	79
5.2.iv Kelemahan undang-undang dan penguatkuasaan	80
<b>BAB 6 KESIMPULAN</b>	<b>82</b>

**BIBLIOGRAFI**

**GAMBARAJAH**

**PETA**

**GAMBAR**

**LAMPIRAN**

# PETA MENUJUKKAN LOKASI KAJIAN

PPTA

